NAMA : ______________________________ KELAS : ______________

## SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
## KAMPUNG NANGKA

# PENTAKSIRAN TINGKATAN LIMA
## PENTAKSIRAN AKHIR PENGGAL 2 [2025]

**PENDIDIKAN MORAL** **1225**

**Julai**

2 ½ jam Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS PENTAKSIRAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nama** *dan* **kelas** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A**, **satu** soalan **Bahagian B** *dan* ***semua*** *soalan* **Bahagian C**.
3. *Jawapan bagi anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
4. **Jawapan tambahan** *bagi* **Bahagian B dan Bahagian C** *boleh ditulis dalam kertas kajang dan dikepilkan dan hantar bersama dengan kertas soalan ini.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau satu ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| **Bahagian** | **Soalan** | **Markah Penuh** | **Markah Diperoleh** |
| **A** | **1** | 10 | |
| | **2** | 10 | |
| | **3** | 10 | |
| | **4** | 10 | |
| | **5** | 10 | |
| **B** | **6 (a)** | 2 | |
| | **6 (b)** | 8 | |
| | **7 (a)** | 2 | |
| | **7 (b)** | 8 | |
| **C** | **8 (a)** | 4 | |
| | **8 (b)** | 8 | |
| | **8 (c)** | 8 | |
| | **9 (a)** | 4 | |
| | **9 (b)** | 8 | |
| | **9 (c)** | 8 | |
| **Jumlah** | | **100** | |

Kertas Pentaksiran ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Bahagian A (50 Markah)
Soalan Struktur
Jawab **semua** soalan.

**1** Keratan berita yang berikut berkenaan dengan integriti dalam pasukan polis.

| |
|---|
| PETALING JAYA: Aspek integriti kekal menjadi keutamaan dan fundamental yang perlu menjadi budaya seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM).<br><br>Menegaskan perkara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, setiap warga polis perlu menjiwai, menghayati dan membudayakan nilai integriti dalam setiap aspek penugasan. Tegas beliau, integriti yang utuh akan menjadi benteng daripada terjebak melakukan kemungkaran sekali gus dapat mengecilkan dan menutup segala ruang melakukan rasuah. |

(a) Nyatakan elemen-elemen integriti yang perlu dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan tugas mereka.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(b) Cadangkan langkah-langkah bagi mempertingkatkan integriti dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

[3 markah]

(c) Huraikan kesan sekiranya amalan integriti dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terjejas.

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

...........................................................................................................................................

[4 markah]

**2** Ilustrasi di bawah menunjukkan aktiviti gotong-royong dalam suatu program komuniti.



(a) Nyatakan tujuan aktiviti gotong-royong dilaksanakan dalam program komuniti.

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[2 markah]

(b) Sebagai anggota masyarakat, bagaimanakah anda menyokong program komuniti yang dianjurkan di tempat tinggal anda?

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[4 markah]

(c) Selain aktiviti gotong-royong, terangkan **dua** program lain yang boleh dilaksanakan untuk menjamin kelestarian alam sekitar.

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[ 4 markah]

3

| |
|---|
| Negara Malaysia merupakan negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba dan Nyonya. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum ini masih mengekalkan amalan tradisi masing-masing dalam aktiviti harian. Setiap kaum menganuti agama dan kepercayaan masing-masing. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di Persada dunia. |

(a) Setujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan contoh amalan tradisi yang telah diamalkan oleh keluarga anda.

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(b) Apakah perasaan anda apabila mengamalkan tradisi keluarga sendiri? Jelaskan

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(c) Bagaimanakah anda dapat mengekalkan budaya dan tradisi rakyat Malaysia agar perpaduan dan keamanan negara terpelihara?

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**4** Gambar di bawah menunjukkan permainan tradisional dan permainan moden.



*Permainan Tradisional*



*Permainan Moden*

(a) Pada pendapat anda, mengapakah permainan tradisional perlu diwarisi dalam kalangan generasi baharu?

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(b) Ramai dalam kalangan generasi baharu enggan menerima permainan tradisional. Terangkan alasan mereka berbuat demikian.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

(c) Cerakinkan peranan ibu bapa untuk memupuk minat anak-anak dalam menghargai permainan tradisional.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**5** Petikan akhbar di bawah berkaitan dengan banduan muda yang dipenjarakan kerana terlibat dalam kes jenayah.

> **Remaja dipenjara 12 tahun, 3 sebatan**
>
> KOTA BHARU: Seorang remaja dikenakan hukuman penjara 12 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas tuduhan menetak lelaki sebayanya sehingga mengalami kecacatan kekal di tangan, November tahun lalu.
>
> Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Affiq Suyuti, 19 dan memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula hari ini.

(a) Pada pandangan anda, wajarkah golongan ini diberikan pembelaan? Jelaskan.

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

[3 markah]

(b) Bagaimanakah nilai kerohanian mampu membantu golongan banduan muda untuk terus berjaya dalam hidup?

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

[3 markah]

(c) Huraikan kesan terhadap banduan muda sekiranya menerima hukuman penjara dalam tempoh masa yang lama.

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

[4 markah]

Bahagian B (10 Markah)
Soalan Esei
Jawab **satu** soalan sahaja

**6** Gambar di bawah tentang integriti remaja.




(a) Berikan maksud integriti individu.

[2 markah]

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

(b) Huraikan kepentingan remaja mengamalkan sikap berintegriti dalam pergaulan seharian.

[8 markah]

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

**7** Maklumat berikut menunjukkan panduan pembelian dalam talian.




(a) Senaraikan dua perkhidmatan yang boleh dilakukan secara transaksi dalam talian.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(b) Transaksi dalam talian menjadi satu norma dalam kehidupan masyarakat hari ini.
Huraikan kebaikan menggunakan pembayaran dalam talian.

[8 markah]

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

Bahagian C (40 Markah)
Soalan Esei
Jawab **semua** soalan

**8** Maklumat berikut berkaitan dengan tadbir urus yang baik.

> Tadbir urus yang baik bermaksud cara melaksanakan tanggungjawab secara telus, bertanggungjawab dan berhemat dari dua segi, iaitu pembuatan keputusan dan penyampaian hasil. Terdapat enam prinsip utama dalam tadbir urus yang baik, iaitu fokus kepada pelanggan, beretika, ketelusan, akauntabiliti dan integriti, efektif dan efisien serta pengurusan perubahan. Setiap prinsip amat penting dan mempunyai peranan masing-masing dalam usaha mewujudkan tadbir urus yang baik sehingga mampu mengekalkan dan mengukuhkan tahap integriti demi pembangunan negara.

(a) Huraikan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik.

[4 markah]

(b) Tadbir urus yang baik dapat membantu mengekalkan dan mengukuhkan integriti demi pembangunan sesebuah negara. Ulaskan berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[8 markah]

(c) Jelaskan langkah-langkah meningkatkan daya saing negara untuk mengukuhkan tahap integriti demi pembangunan negara.

[8 markah]

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

**9** Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis-jenis pemerdagangan manusia.




(a) Nyatakan ciri berperikemanusiaan yang boleh diamalkan terhadap mangsa pemerdagangan manusia demi kesejahteraan global.

[4 markah]

(b) Terangkan implikasi pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap mangsa pemerdagangan manusia. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[8 markah]

(c) Huraikan tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk membendung isu pemerdagangan manusia.

[8 markah]

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………………………

**~~~~~~Kertas Soalan Tamat~~~~~~~~**

| Disediakan Oleh: | Disemak Oleh: | Disahkan Oleh: |
|---|---|---|
| ……………………….. | …………………………. | ………………………… |
| Lau Ging Ging | Wong Ing Fen | Norlizda Bt Haldin |
| Guru Mata Pelajaran Tingkatan 5 | Penyelaras Tingkatan 5 | KB Kemanusiaan |

**Bahagian A (50%)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1(a) | F1<br>F2<br>F3 | Kerja berpasukan<br>Adil<br>Disiplin<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 3m]** |
| (b) | H1<br><br>H2<br>H3 | Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah dalam PDRM<br>Memberi pengiktirafan kepada anggota berintegriti<br>Mematuhi kod kerja dan mengelakkan sebarang penyelewengan<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 3m]** |
| (c) | F1<br>H1<br><br>F2<br>H2 | Menjejaskan kualiti perkhidmatan<br>Masyarakat hilang kepercayaan terhadap PDRM<br><br>Peningkatan kadar jenayah<br>Menjejaskan keamanan negara<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| 2 (a) | F1<br>F2<br>F3 | Menjaga kebersihan alam sekitar<br>Menceriakan persekitaran<br>Mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan ceria<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 2m]** |
| (b) | F1<br>F2<br><br>F3<br><br>F4 | Melibatkan diri dalam program yang diadakan / meluangkan masa<br>Mempromosikan program komuniti tersebut di media massa seperti Facebook<br>Memberikan sumbangan pengetahuan / kemahiran / kepakaran / tenaga untuk melaksanakan projek<br>Menggalakkan penyertaan rakan / keluarga<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (c) | F1<br>H1<br><br>F2<br>H2<br><br>F3<br>H3 | Penanaman semula pokok<br>Untuk menggantikan pokok yang telah ditebang / menghijaukan alam sekitar<br><br>Aktiviti kitar semula<br>Mengumpul pelbagai bahan buangan seperti kertas dan plastik untuk dijadikan sebagai barang baharu<br><br>Program kongsi kereta<br>Mengurangkan pelepasan asap kenderaan / mengurangkan pencemaran udara<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3 (a) | J<br><br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5 | Setuju<br><br>Memakai baju tradisional kaum Iban / Cina / India / Melayu<br>Merayakan Hari Gawai / membuat Tang Yuan<br>Makan Besar semasa Tahun Baru Cina<br>Upacara penyembahan nenek moyang semasa Ching Ming<br>Adat perkahwinan mengikut kaum Iban / Cina / India / Melayu<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 2m]** |
| (b) | J<br><br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5 | Gembira / Bangga<br><br>Dapat mengekalkan tradisi kekeluargaan<br>Adat tradisi tidak putus<br>Dapat mengeratkan hubungan ahli keluarga<br>Dapat diteruskan oleh generasi akan datang<br>Generasi muda dapat mengenali adat tradisi yang diamalkan secara turun temurun<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (c) | H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5 | Mengamalkan adat dan tradisi kaum saya<br>Mempelajari dan mengetahui tentang adat kaum lain<br>Tidak memburuk-burukkan adat kaum lain<br>Menerima dan menyanjungi adat kaum lain<br>Tidak memandang rendah terhadap adat dan kepercayaan kaum lain<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| 4 (a) | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Identiti kaum<br>Terus diingati<br>Lambang budaya sesuatu kaum<br>Menyanjungi warisan yang diturunkan<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (b) | F1<br>H1<br>F2<br>H2 | Susah mendapat peralatan<br>Sukar mencari kedai yang menjual peralatan permainan tradisional<br>Tidak mempunyai kemahiran / pengetahuan<br>Tiada pakar untuk dirujuk<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (c) | F1<br>F2<br>F3 | Menguasai kemahiran untuk bermain permainan tradisional terlebih dahulu<br>Meluangkan masa bermain permainan tradisional bersama-sama<br>Membawa anak-anak untuk menyertai aktiviti / pertandingan permainan tradisional<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 2m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5 (a) | F<br>H1<br>H2<br>H3<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3 | Wajar<br>Usia masih muda<br>Insaf atas perbuatan / menyesal<br>Tidak tercicir dalam pelajaran<br><br>Tidak wajar<br>Memberi pengajaran<br>Memastikan keluarga mangsa mendapat pembelaan<br>Masyarakat akan takut untuk melakukan jenayah<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 3m]** |
| (b) | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Menjadikan ajaran agama sebagai panduan hidup<br>Mentaati ibu bapa<br>Sentiasa bersangka baik dengan orang lain<br>Belajar bersungguh-sungguh<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 3m]** |
| (c) | F1<br>H1<br>F2<br>H2<br>F3<br>H3 | Masa depan terjejas<br>Tidak mendapat pekerjaan impian<br>Hubungan kekeluargaan renggang<br>Mengalami tekanan perasaan<br>Berlaku pergaduhan<br>Membunuh diri / sakit mental<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |

**Bahagian B ( 10% )** Cadangan jawapan

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 (a) | H1<br>H2<br>H3<br>H4 | Sifat utama yang dapat melahirkan jati diri produktif<br>Berkualiti dalam setiap perlakuan<br>Ketulusan / keutuhan dalam setiap perlakuan / pemikiran<br>Penghayatan dan pegangan teguh terhadap ciri dan nilai positif<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 2m]** |
| (b) | F<br><br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | **Melahirkan individu yang berpegang teguh pada prisip moral dan etika**<br>Membentuk keperibadian individu positif<br>Mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya negatif<br>Disukai oleh orang ramai<br>Memelihara dan memperkasa imej diri / imej keluarga<br><br>**Membentuk jati diri bangsa Malaysia**<br>Menjalankan segala tugas dengan amanah<br>Mendapat keyakinan orang lain<br>Menjamin masa hadapan yang cerah<br>Melahirkan modal insan yang dapat berbakti kepada negara<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | **[Mak. 8m]** |
| 7 (a) | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Pembayran bil utiliti<br>Perbankan<br>Tempahan tiket kapal terbang / bas<br>Pembayaran tambang Grab<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 2m]** |
| (b) | F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>H5<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | **Tidak perlu membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak**<br>Dapat menghindari kecurian<br>Mengurangkan risiko keciciran<br>Bayaran lebih pantas<br>Transaksi boleh dibuat dari mana-mana lokasi yang mempunyai sambungan internet<br>Menjamin keselamatan diri dan harta benda<br><br>**Berpeluang mendaftar sebagai ahli**<br>Menikmati pelbagai keistimewaan sebagai ahli<br>Memperoleh potongan harga terutama apabila musim perayaan<br>Dapat mengumpul mata ganjaran<br>Ganjaran tukaran hadiah<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | **[Mak. 8m]** |

**Bahagian C (40%)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 (a) | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Mematuhi kod etika kerja<br>Melaksanakan visi dan misi<br>Tidak membazir masa / sumber<br>Mengelakkan penyelewengan kerja<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (b) | N<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br><br>H2<br>H3<br>H4 | Rasional / Kerajinan / Kerjasama / Kejujuran / Bertanggungjawab<br><br>**Sentiasa mengutamakan pelanggan**<br>Berusaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan<br>Memberi perhatian terhadap setiap aduan serta cadangan pelanggan<br>Memberi penekanan terhadap nilai-nilai positif<br>Berusaha melakukan perubahan agar organisasi lebih kompetitif<br><br>**Menunjukkan ketelusan melalui prosedur kerja yang mudah difahami**<br>Memasksimumkan sumber tenaga manusia bagi menghasilkan kerja yang berkualiti<br>Memberi ruang kepada ahli organisasi untuk bersuara<br>Menerima pandangan dan pendapat semua ahli organisasi tanpa prejudis<br>Memastikan etika kerja dan nilai murni diamalkan semasa menjalankan tugas<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | **[Mak. 8m]** |
| (c) | F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br><br>H3<br>H4<br><br>F<br><br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | **Membangunkan modal insan berkualiti**<br>Memperkasakan sistem pendidikan negara<br>Menawarkan program latihan dan pembangunan kemahiran<br>Memberi fokus kepada STEM<br>Melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berilmu<br><br>**Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan**<br>Memperkemas prosedur dan proses kerja dalam organisasi<br>Memperkenalkan sistem atas talian untuk memudahkan urusan perkhidmatan / memanfaatkan teknologi moden<br>Meningkatkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan<br>Mengurangkan karenah birokrasi yang boleh melambatkan proses<br><br>**Menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih aktif dalam pembangunan negara**<br>Mengkaji semula subsidi<br>Memberikan insentif kepada pelaburan sektor swasta<br>Mewujudkan perkongsian kepakaran dan teknologi yang lebih pesat<br>Mewujudkan iklim perniagaan yang kondusif<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | **[Mak. 8m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9 (a) | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5 | Memuliakan sesama insan<br>Simpati terhadap mangsa<br>Menyelamatkan mangsa<br>Sanjungi nyawa<br>Sanjungi hak manusia<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4m]** |
| (b) | N<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | Rasional / Bertanggungjawab / Kasih sayang / Kebebasan / Kerjasama<br><br>**Nasib mangsa pemerdagangan terabai**<br>Tidak diberi keperluan asas yang baik<br>Hak sebagai pekerja dipinggirkan<br>Pendapatan diterima tidak setimpal dengan kerja<br>Hilang hak kemanusiaan<br><br><br>**Tekanan perasam**<br>Mengalami kemurungan / kebimbangan<br>Hilang keyakinan diri akibat jauh daripada keluarga<br>Risiko membunuh diri<br>Mengalami trauma akibat ditipu<br><br>**Masa hadapan mangsa gelap**<br>Mangsa meneruskan aktiviti tidak sihat<br>Tidak dapat pekerjaan yang sah di sisi undang-undang<br>Tidak dapat mengirim wang belanja kepada keluarga di kampung<br>Hilang sumber pendapatan<br><br>**Kesihatan mangsa terjejas**<br>Kekurangan zat makanan<br>Risiko mendapat penyakit berjangkit meningkat<br>Kecacatan fizikal<br>Jumlah kematian bertambah<br><br>**Mangsa pemerdagangan terus dizalimi**<br>Tidak mendapat perlindungan sewajarnya<br>Dipaksa melakukan kerja yang menyalahi undang-undang<br>Wujud penipuan dalam kontrak kerja / gaji<br>Jumlah mangsa pemerdagangan semakin bertambah | **[Mak. 8m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (c) | F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br><br>F<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4 | **Penguatkuasaan undang-undang**<br>Kenakan hukuman / denda kepada majikan yang ingkar<br>Mengadakan serbuan dengan lebih kerap<br>Hantar mangsa balik ke negara asal<br>Menimbulkan perasaan takut kepada pihak yang terlibat<br><br>**Kawalan keselamatan yang ketat**<br>Kawal pintu masuk utama negara<br>Buat semakan kemasukan orang asing<br>Gunakan sistem keselamatan canggih / moden<br>Mencegah kemasukan secara haram<br><br>**Kempen kesedaran**<br>Memberitahu masyarakat tentang isu pemerdagangan manusia<br>Memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat<br>Mengelakkan masyarakat terpengaruh dengan tawaran kerja luar negara<br>Memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mengutamakan keselamatan diri dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa<br><br>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah) | **[Mak. 8m]** |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 6 & 7 | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif<br>▪ Nilai universal yang menepati situasi<br>▪ Fakta yang sangat jelas, tepat dan lengkap<br>▪ Huraian sangat terperinci dan relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh yang sangat sesuai<br>▪ Pengolahan sangat menarik<br>▪ Kematangan pengembangan idea | **Aras 4**<br>8-10 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif<br>▪ Nilai universal yang menepati situasi<br>▪ Fakta yang tepat dan lengkap<br>▪ Huraian terperinci dan relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh sesuai<br>▪ Pengolahan menarik | **Aras 3**<br>5-7 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas<br>▪ Fakta yang tepat<br>▪ Huraian kurang mendalam dan kurang relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh kurang sesuai<br>▪ Pengolahan sederhana | **Aras 2**<br>3-4 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad<br>▪ Fakta terhad<br>▪ Tiada huraian<br>▪ Jawapan mudah/ umum | **Aras 1**<br>1-2 |
| | **Jumlah** | **[10m]** |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| **8 & 9** | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif<br>▪ 2 Nilai universal yang menepati situasi<br>▪ Fakta yang sangat jelas, tepat dan lengkap<br>▪ Huraian sangat terperinci dan relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh sangat sesuai<br>▪ Pengolahan sangat menarik<br>▪ Kematangan pengembangan idea | **Aras 4**<br>8-10 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif<br>▪ 1 Nilai universal yang menepati situasi<br>▪ Fakta yang tepat dan lengkap<br>▪ Huraian terperinci dan relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh sesuai<br>▪ Pengolahan menarik | **Aras 3**<br>5-7 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas<br>▪ Fakta yang tepat<br>▪ Huraian kurang mendalam dan kurang relavan dengan isu/ situasi<br>▪ Contoh kurang sesuai<br>▪ Pengolahan sederhana | **Aras 2**<br>3-4 |
| | ▪ Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad<br>▪ Fakta terhad<br>▪ Tiada huraian<br>▪ Jawapan mudah/ umum | **Aras 1**<br>1-2 |
| | **Jumlah** | **[20m]** |